



## Biar bakat penentu kegemilangan artis

**M**ASIH tidak terlewat rasanya untuk mengucapkan tahniah kepada juara *Akademi Nasyid* iaitu Azhan Atan. 'Rezeki' Ramadan dan 'merdeka' itu bukan hanya berita hangat di Malaysia, malah juga peminat muzik nasyid tanah air tidak kira di mana mereka berada.

Pada mulanya saya sendiri tidak menyedari kewujudan *Akademi Nasyid* ini tetapi memang pernah berharap akan wujud satu bentuk rancangan realiti TV sebegini selepas kemunculan *Akademi Al-Quran* dan *Akademi Sastera* yang bukan semata-mata bermatlamatkan hiburan.

Video pertama nyanyian Azhan yang ditonton adalah ketika beliau menyanyikan lagu *Kepadamu Kekasih* ciptaan M Nasir pada minggu kedua pertandingan. Pertama kali menonton, dapat dirasakan kekuatan vokal anak muda ini.

Uniknya, bukan itu saja yang menggamit hati, malah keistimewaan sebagai warga kurang upaya dan personalitinya.

Azhan menarik perhatian ramai di kalangan kami pelajar Malaysia di United Kingdom (UK) bukan saja kerana suaranya mantap, malah saya turut secara peribadi menghormati personalitinya yang merendah diri.

Personaliti inilah pada saya, antara faktor meningkat dan menjarakkan undi yang membawa kepada kemenangan, nyatanya bukan kerana simpati kepada keadaan dirinya. Bercakap mengenai personaliti sebagai penyanyi atau anak seni seluruhnya, sifat besar kepala ini bukan hanya dibenci di negara Timur yang kaya budaya seperti Malaysia, malah juga di negara Barat seperti di Britain.

Juara *X-Factor* musim ketiga, Leona Lewis yang terkenal dengan kehebatan vokalnya pernah dipuji oleh seorang juri paling 'kejam' dalam rancangan realiti TV itu sebagai lain daripada penyanyi wanita lain di Barat yang disifatkan Simon Cowell sebagai 'besar kepala dan berlagak' dengan kebolehan yang ada.

Leona lain daripada yang lain kerana dia bukan saja seorang gadis pemalu yang tidak menyedari kehebatan diri, malah personalitinya yang merendah diri dihormati Cowell.

Baru setahun jagung dalam dunia hiburan, laporan sebuah akhbar tabloid di Britain menyebut Leona sebagai antara penyanyi paling mahal dibayar ketika ini iaitu mencapai £100,000 (RM700,000) untuk satu lagu.

Dari segi paras rupa, walaupun Leona dikategorikan sebagai pendatang baru yang mempunyai kecantikan eksotik, banyak rancangan realiti TV di sini memilih penyanyi yang 'biasa-biasa' saja paras rupanya tetapi berbekalkan vokal mantap.

Umur atau status tidak langsung menjadi ukuran. Kecantikan atau kelebihan fizikal di Barat boleh dikatakan sebagai bonus. Jika ada, itulah kelebihan untuk menjadi artis dan jika tiada, maka itu bukanlah faktor kekurangan yang mencatatkan perkembangan karier.

Mungkin tidak setara untuk membuat perbandingan antara Leona dan Azhan. Berbeza dari segi matlamat, konsep dan cara hidup namun menariknya kedua-dua anak seni ini setara kerana kedua-duanya seolah-olah tidak sedar dengan kehebatan diri.

Bukan terlebih memuji, tetapi lihat saja segelintir individu dalam apa bidang sekali pun diceburi, kebolehan sedikit tetapi lagaknya saja yang besar.

Itu belum lagi berbakat hebat, mengapalah sedikit kelebihan diri yang kadangkala tidak langsung berlebih berbanding kebanyakan orang sudah besar kepala?

Gelagat Azhan dan Leona apabila mendapat pujian juri hampir sama, mengucapkan terima kasih dengan senyuman dan mata yang seolah-olah berkata, "Betulkah saya sebagai itu?"

Selain personaliti Azhan yang menarik hati, kemenangan Azhan yang dipengaruhi undi peminat mencerminkan arus perubahan dari segi kebijaksanaan memilih, tidak hanya bergantung kepada paras rupa misalnya.

Kemenangan yang disifatkan untuk keluarga itu adalah ibarat kemenangan 'merdeka' yang bukan hanya kerana kemenangan itu diumumkan pada tanggal 31 Ogos, malah kemenangan yang membawa anjakan baru dalam paradigma muzik tanah air.

Mungkin agak besar kenyataan yang disuarakan ini, namun kemenangan Azhan pada saya menunjukkan khalayak muzik Malaysia sudah semakin bijak memilih siapa yang patut diundi, bukan rupa atau fizikal, tetapi bakat yang seiring dengan personaliti.

Di Barat saya tidak menyatakan tiada langsung pengaruh fizikal untuk berjaya. Tidak dinafikan kecantikan seseorang itu serba sedikit mempengaruhi kejayaannya dalam sesuatu bidang, terutama jika menceburkan diri dalam dunia hiburan.

Cheryl Cole penyanyi kumpulan wanita Britain, Girls Aloud yang juga antara juri terbaru *X-Factor* musim baru pernah dikritik memenangi satu pertandingan realiti TV kerana kecantikannya, bukan kerana bakatnya.

Mungkin ramai yang akan berkata, "siapa yang tidak mahu tengok sesuatu yang cantik, apa lagi jika di kaca televisyen?" Khalayak yang celik muzik sedia menyokong artis yang tiada paras cantik tetapi berbakat. Jangan lupa kepada Whitney Houston atau Celine Dion misalnya, nama besar di Barat yang paras rupa sederhana saja.

Justeru, pemilihan Azhan ini jadi menarik kerana ia memberi simbolik terhadap perubahan corak pemilihan sebilangan khalayak yang kadangkala terkabur penghakimannya dek pesona fizikal. Jadikanlah kelebihan luaran itu satu bonus saja, bukan ukuran utama.

Itu perkara yang menyentuh soal kelebihan fizikal yang diangung-agungkan. Pada masa sama, ada juga artis yang kurang berbakat tetapi dek kerana dikatakan mempunyai personaliti merendah diri maka dia jadi kegemaran masyarakat.

Sekali lagi, adalah kurang adil jika penilaian dibuat tidak bergantung kepada bakat. Biarlah bakat menjadi timbangan utama gemilangnya artis dalam dunia hiburan tanah air. Yang ada bakat dan bonus itu anugerah, yang hanya berbakat tetap kita sokong kerana bakat dan kesungguhannya, janganlah dicantas pula anugerahnya itu.

Yang nampak memiliki personaliti baik tetapi kurang berbakat tidak perlulah diangung-agungkan sangat, cukuplah menghargainya setakat mana bakatnya saja.

Kepada Azhan, semoga Ramadan kali ini adalah Ramadan sulung yang membuktikan beliau adalah artis yang hanya menjaja bakat berbekal personalitinya untuk dikongsi dengan khalayak yang semakin bijaksana.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom.